

## **Pengamalan Bentuk-Bentuk Komunikasi Pemujukan oleh Pendakwah Masyarakat Orang Asli di Selangor**

ZULKEFLI AINI, ABDUL GHAFAR DON, AHMAD IRDHA' MOKHTAR, NUR USWAH  
AHMAD FAUZI

Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
zulaini@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

Proses komunikasi yang berlangsung dalam penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat Orang Asli memerlukan usaha dakwah yang berterusan sebagai panduan ke arah perubahan positif untuk mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Antara usaha yang boleh dilakukan bagi mempengaruhi tingkahlaku masyarakat Orang Asli ialah melalui pemujukan dalam penyampaian sesuatu mesej. Justeru, kertas kerja ini bertujuan membincangkan bentuk-bentuk pemujukan dalam proses komunikasi dakwah yang digunakan oleh pendakwah yang berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di negeri Selangor. Bagi menyempurnakan penulisan kertas ini, kajian telah dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data-data diperolehi melalui temubual mendalam secara separa struktur yang dilakukan bersama peserta kajian yang terdiri daripada sembilan orang pendakwah. Mereka dipilih secara bertujuan dengan kriteria tertentu seperti tempoh penglibatan dalam dakwah Orang Asli melebihi sepuluh tahun. Mereka ialah Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Panel Dakwah Muallaf (PDM) lantikan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), ahli Persatuan Kebajikan dan Pengurusan Islam Orang Asli Selangor dan Yayasan al-Khalifah. Data-data dianalisis secara tematik menggunakan teknik manual dengan prosedur tertentu mengikut objektif dan tema tertentu yang dipersetujui. Hasil kajian mendapati pendakwah menggunakan tiga bentuk komunikasi pemujukan ketika menyampaikan dakwah kepada Orang Asli, iaitu komunikasi dakwah secara bi al-hal, komunikasi interpersonal, komunikasi kelompok dan komunikasi media. Penulisan ini mempunyai kepentingan daripada sudut merangka pendekatan komunikasi dakwah berkesan ketika menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat Orang Asli.

*Kata Kunci: Komunikasi; Dakwah; Pendakwah; Pemujukan; Orang Asli*

### **PENDAHULUAN**

Laporan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2014) bagi penduduk negeri Selangor menyatakan bahawa jumlah komuniti masyarakat Orang Asli di negeri ini ialah seramai 19,761 orang. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 5s,465 orang atau 27.6% telah memeluk agama Islam (JAKIM, 2015). Data tersebut memberi indikasi bahawa kuantiti pengislaman dalam

kalangan masyarakat Orang Asli masih rendah dan perlu dipertingkatkan. Ini diperkuatkan dengan dapatan kajian Ramle (2015) yang menunjukkan bahawa kualiti pengetahuan dan penghayatan terhadap ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli muslim juga berada di tahap minimum sama ada dalam bidang akidah atau syariah. Dapatan tersebut juga selari dengan pandangan Abd. Ghafar Don (2014) yang menyimpulkan bahawa kesedaran tentang pengamalan dan penghayatan Islam dalam kalangan Orang Asli secara umumnya masih berada di tahap yang minima. Aspek ini termasuklah kemampuan mereka untuk melaksanakan kewajipan terhadap asas-asas ajaran Islam seperti solat dan puasa. Keadaan ini memerlukan usaha yang berterusan secara maksimum di pihak pendakwah untuk membantu mempertingkatkan komitmen Orang Asli muslim terhadap ajaran agama Islam. Menurut Zulkefli et. al., (2018), salah satu aspek yang boleh diberi perhatian ialah mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi yang menekankan beberapa aspek seperti kebolehan menyampaikan idea dengan terang, berkesan dan dengan penuh keyakinan samada secara lisan mahu pun bertulis. Kemahiran berkomunikasi berkesan dalam proses penyampaian mesej kepada sasaran sehingga menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku di pihak penerima, menurut Samsuddin A. Rahim (1993) adalah menepati fungsi komunikasi daripada sudut pemujukan. Sehubungan dengan itu, fokus perbincangan kertas kerja ini adalah berkenaan tentang bentuk-bentuk pemujukan yang digunakan oleh pendakwah yang terlibat dalam dakwah Orang Asli di negeri Selangor. Ia sebagai usaha mempertingkatkan kualiti pengislaman dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

## **KONSEP PEMUJUKAN DALAM PROSES KOMUNIKASI**

Trenholm (1989) mengatakan pemujukan ialah satu proses yang berlaku apabila seseorang berucap mempengaruhi nilai, kepercayaan dan sikap pendengar. Hovland, Janis & Kelley (1953) pula mentakrifkan pemujukan dalam konteks fungsi komunikasi sebagai suatu pengucapan berbentuk lisan yang kebiasaannya dilakukan dengan tujuan mengubah tingkah laku individu lain. Manakala Smith (1982) mengaitkan pengertian pemujukan dengan bidang psikologi bahawa pemujukan digunakan sebagai simbol untuk mempengaruhi aspek dalaman dan kesedaran kognitif seseorang secara sukarela setelah menerima dengan baik mesej yang disampaikan.

Aristotal (2014) menyatakan terdapat tiga ciri-ciri dalam komunikasi pemujukan iaitu personaliti pengucap (*ethos*), pujukan emosi pendengar (*pathos*) dan pujukan intelek atau rasional (*logos*). Kajian Petty & Brinol (2009) pula mendapati bahawa orang yang melakukan pemujukan menjadi faktor penting penerimaan individu lain terhadap mesej yang disampaikan secara berkesan. Ini melibatkan kredibiliti dan autoriti sumber yang terdapat dalam pemujukan seperti kepakaran, persefahaman, kejujuran, daya tarikan dan status.

Bettinghaus (1980) menjelaskan keberkesanan komunikasi pemujukan bergantung kepada tahap kepatuhan individu terhadap perubahan tindakan sepertimana yang diinginkan. Perbezaan dari sudut latar belakang seperti umur, jantina, tahap pemikiran dan kerjaya juga perlu diberi perhatian sebelum melakukan pemujukan. Di samping itu, wujudnya persamaan di antara penyampai dengan pendengar, variasi mesej yang disampaikan, gaya penyusunan mesej yang teratur dan kepelbagaian medium yang digunakan secara tidak langsung dapat menyentuh perubahan sikap, emosi dan tingkah laku individu lain.

Penggunaan medium dalam komunikasi pemujukan terdiri daripada pelbagai bentuk. Antaranya ialah komunikasi perseorangan sama ada secara lisan atau bukan lisan dan

komunikasi massa seperti internet, televisyen, radio, akhbar dan sebagainya. Namun, penumpuan terhadap komunikasi berbentuk perseorangan ditekankan dalam konteks pemujukan yang bertujuan merangsangkan keyakinan seseorang terhadap kejelasan mesej yang disampaikan secara langsung. Sehubungan itu, penguasaan terhadap kemahiran komunikasi dan kefahaman tentang psikologi dalam pemujukan mendorong menghasilkan keberkesanan terhadap tindak balas pendengar selepas menyampaikan sesuatu mesej (Zulkefli dan S.Salahuddin 2016).

Menurut Aristotle (2014), strategi pemujukan bertujuan untuk memujuk secara rasional menggunakan hujah yang bernas melalui karakter dan kualiti diri seseorang pemujuk serta memahami emosi sasaran sehingga menimbulkan rasa seronok dan teruja. Khairiah (2016) menjelaskan bahawa pemujukan merupakan suatu komunikasi yang mementingkan aspek kejujuran, kebenaran dan kesahihan sesuatu mesej yang disampaikan.

Komunikasi pemujukan dalam dakwah merupakan suatu proses dalam penyampaian yang didasari oleh kemampuan membentuk pemikiran dan mencetus perubahan seseorang secara sukarela ke arah menyemai nilai-nilai dalam diri dan masyarakat (Ma'arif 2015). Konsep ini tidak boleh lari daripada perkataan dakwah itu sendiri iaitu "ajakan" yang seharusnya melibatkan proses interaksi di antara *mad<sup>c</sup>ū* dan pendakwah. Sehubungan itu, usaha menjelaskan fenomena ini merujuk kepelbagaian kaedah dan teknik yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW sehingga berjaya mengubah pegangan dan kepercayaan masyarakat Arab pada satu masa dahulu (Abu Ghuddah 2011).

Dalam konteks dakwah, pendakwah yang melakukan pemujukan seharusnya mempunyai strategi terutama aspek personaliti, bijak memilih mesej dakwah yang ingin disampaikan serta menepati keadaan psikologi dan penerimaan sasaran dakwah. Menurut Achmad Mubarak (1999), aspek pemujukan dalam komunikasi dakwah dikaitkan dengan bidang psikologi. Ini kerana apabila pendakwah berkomunikasi dengan menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran dakwah, mereka akan menerima mesej tersebut dengan berfikir tentang kebenaran mesej tersebut dan akhirnya boleh memberikan maklum balas positif terhadap mesej tersebut dan mengamalkannya secara sukarela. Dengan kata lain, interaksi antara pendakwah dengan sasaran dakwah adalah bersifat praktikal dan saling memberi pengaruh terhadap kecenderungan, perhatian, minat, perasaan dan keinginan untuk mengamalkan ajaran Islam tanpa ada unsur paksaan (Arifin 1977). Terdapat elemen pemujukan di dalam al-Quran melalui penggunaan kalimah Qaul yang digandingkan dengan kalimah lain bagi menunjukkan perbezaan konteks dan sasarannya (Achmad Mubarak 1999). Sebagai contoh, kalimah *qaulān layyinā* (kata-kata yang lemah lembut) digunakan kepada pemerintah yang zalim (surah Taha: 43-44), *qaulān balighā* (kata-kata yang menyentuh jiwa) digunakan kepada manusia munafik (surah al-Nisa': 63), *qaulān maisurā* (kata-kata yang mudah) digunakan kepada rakyat tertindas dan terpinggir (surah al-Isra': 28), *qaulān karimā* (kata-kata yang mulia) digunakan kepada ibu bapa dan warga emas (surah al-Isra': 23) dan *qaulān sadīdā* (kata-kata yang benar) digunakan kepada masyarakat awam (Surah al-Ahzab: 69-70). Menurut Zulkefli & S. Salahudin (2016) bentuk komunikasi dakwah bergantung kepada penggunaan sesuatu medium yang menjadi perantaraan untuk membawa mesej daripada sumber kepada penerima. Contohnya, komunikasi kelompok menggunakan saluran gelombang udara dan cahaya seperti ceramah, khutbah Jumaat dan kuliah umum. Dalam konteks dakwah, perbincangan tentang bentuk pemujukan melibatkan pendakwah yang menggunakan medium sebagai mekanisme dakwah untuk mempengaruhi aspek perubahan fikiran, emosi dan tingkah laku *mad<sup>c</sup>ū* terhadap mesej dakwah yang disampaikan. Sementara itu, al-Bayānūnī (1995) berpandangan bahawa medium dakwah atau *wasail al-dawah* yang boleh memberi kesan kepada *mad<sup>c</sup>ū* terbahagi kepada dua aspek, iaitu secara *ma<sup>c</sup>nawi* dan fizikal. Pada

aspek *ma'nawi* ia mencakupi hal-hal yang berkaitan dengan hati atau *al-qalb*, pemikiran dan akhlak pendakwah. Manakala aspek *hissi* atau fizikal pula melibatkan penggunaan peralatan tertentu seperti internet, radio, televesyen dan surat khabar. Namun, asas penggerak *wasa'il al-da'wah* yang utama bermula dengan aspek *ma'nawi* kerana di situlah terletak nilai keinsanan yang sebenar dalam diri pendakwah ketika berhadapan dengan *mad'u* (Zulkefli & S. Salahudin 2016).

Sejarah perkembangan dakwah Rasulullah s.a.w. memperlihatkan bahawa Baginda s.a.w. tidak pernah mencatatkan sebarang bentuk kekerasan dan paksaan terhadap orang kafir. Kesannya, mereka menerima dan memeluk agama Islam sebagai cara hidup secara sukarela. Menurut Sopyan (2010) Rasulullah s.a.w. menggunakan pendekatan dakwah secara pemujukan, bertahap dan berhikmah sebelum memperkenalkan sesuatu hukum hakam terutamanya terhadap perbuatan yang menjadi budaya hidup dan telah berakar umbi dalam kalangan orang Arab di Mekah dan Madinah. Oleh itu, pelbagai bentuk komunikasi yang dilakukan oleh Baginda s.a.w. sepanjang melaksanakan dakwah sama ada secara sulit mahu pun secara terang-terangan bermula dengan pembinaan akidah dan akhlak di Mekah dan diikuti dengan pembinaan negara berdasarkan syariah di Madinah (Ghazali Darussalam 1996).

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah di negeri Selangor di bawah kategori pinggir bandar yang mempunyai kemudahan fasiliti dan kelengkapan yang lebih *advanced* jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain (Aisyah Jami'an 2013). Terdapat tujuh daerah yang mempunyai perkampungan masyarakat Orang Asli di Selangor iaitu, Hulu Langat, Sepang, Hulu Selangor, Kuala Langat, Klang, Gombak dan Petaling. Kajian ini melibatkan sembilan orang peserta kajian (PK) yang dipilih secara bertujuan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1, iaitu empat orang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tiga orang Panel Dakwah Muallaf (PDM) berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan dua orang wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Kebajikan & Pengurusan Islam Orang Asli Selangor (PKPI) dan Yayasan al-Khalifah (YAK). Pemilihan mereka berdasarkan pengalaman mereka yang melebihi sepuluh tahun dan ke atas dalam pengendalian dakwah masyarakat Orang Asli.

Pengumpulan data kajian dilakukan melalui temu bual mendalam terhadap peserta kajian dengan menggunakan kaedah temubual separa struktur. Pembinaan instrumen soalan temu bual adalah berdasarkan objektif yang ditentukan dengan bersandarkan tinjauan literatur tertentu. Soalan dibentuk mengikut tema-tema tertentu yang disesuaikan dengan objektif kajian. Ketepatan dan kesesuaian soalan temubual berdasarkan kepada pengesahan dan penilaian yang dilakukan oleh tiga orang ahli akademik daripada UKM dan USIM yang mempunyai kepakaran penyelidikan dan pengalaman dalam bidang dakwah Orang Asli dan komunikasi dakwah. Data-data kajian yang diperolehi disahkan oleh peserta kajian melalui pengiraan penilaian darjah persetujuan Cohen Kappa. Pengkaji menggunakan kaedah manual dalam menganalisis data kajian dengan pembacaan hasil transkripsi berulang-ulang kali, membuat tanda dan menggaris perkataan, idea dan makna yang membentuk tema dan pola dapatan kajian. Pengkaji membuat interpretasi secara deskriptif terhadap hasil analisis data temu bual bagi melaporkan dapatan kajian dengan disokong oleh sedutan petikan daripada transkrip temu bual subjek kajian.

Jadual 1 Peserta Kajian

Kod	Jantina	Keanggotaan
PK 1	Lelaki	PMOA
PK 2	Lelaki	PMOA
PK 3	Perempuan	PMOA
PK 4	Lelaki	PMOA
PK 5	Perempuan	PDM
PK 6	Perempuan	PDM
PK 7	Perempuan	PDM
PK 8	Lelaki	PKPI
PK 9	Lelaki	YAK

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa bentuk-bentuk komunikasi pemujukan yang digunakan oleh PK selaku pendakwah kepada masyarakat Orang Asli ialah komunikasi dakwah secara *bi al-hāl*, komunikasi interpersonal, komunikasi kelompok dan komunikasi massa (menggunakan media komunikasi teknologi).

### 1. Komunikasi Dakwah secara *bi al-Hāl*

Menurut Zulkefli & S. Salahudin (2016) komunikasi dakwah secara *bi al-hāl* melibatkan proses komunikasi yang berlaku antara pendakwah dengan kumpulan sasaran dalam konteks suatu usaha untuk menggerakkan mereka bagi mengembangkan potensi dan kemajuan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan dan sosial. Dengan kata lain, komunikasi jenis ini menggunakan pendekatan pembentukan dan pengembangan program-program berorientasikan pembangunan komuniti (Mohd. Yusuf Hussain, 2009). Pendakwah menggunakan medium tertentu untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada mereka, meyakinkan mereka tentang kepentingan sesuatu perancangan dan pembangunan. Komunikasi jenis ini juga dikenali sebagai komunikasi dakwah secara *bi al-`amal*, *bi al-fi`il* dan *bi tanmiyyah al-mujtama`*. Pendakwah turut melakukan pemujukan yang disesuaikan dengan keadaan dan kedudukan kumpulan sasaran. Kebiasaanya, faktor yang menjadikan komunikasi dakwah secara *bi al-hāl* berlangsung dengan baik ialah pendakwah mempamerkan keperibadian dan perbuatan baiknya sekali gus sehingga boleh mempengaruhi kepercayaan *mad`ū* terhadap perubahan fikiran dan tingkah laku sepertimana yang dilakukan oleh pendakwah.

Di samping itu, mereka lebih mudah dipengaruhi melalui pendekatan sedemikian berbanding apa yang mereka dengar daripada siri ceramah atau penerangan secara teori daripada pendakwah. Malah Ali Yaakub (2006) berpandangan bahawa komunikasi dakwah *bi al-hāl* berlaku dalam dua konteks iaitu penampilan peribadi pendakwah dan aktiviti-aktivitinya yang memenuhi realiti keperluan sama ada di peringkat individu atau masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini turut mendapati semua PK mengakui yang mereka berpengalaman berkomunikasi secara *bi al-hāl* ketika menyampaikan mesej dakwah secara praktikal kepada masyarakat Orang Asli. mereka menggunakan empat pendekatan, iaitu memberi kesedaran, bimbingan, bantuan peribadi dan pembangunan fizikal.

## **Memberi kesedaran**

Penyampaian secara jelas dan terang daripada pendakwah tentang sesuatu perkara seharusnya bertujuan menimbulkan kesedaran sehingga menghasilkan tindak balas yang positif terhadap para *madcū* (Ab. Aziz 2001). Dalam aspek ini, beberapa usaha menerapkan nilai-nilai Islam sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW melalui penyampaian berbentuk nasihat, teguran dan peringatan secara berhemah bertujuan memperbaiki salah faham dan mengelakkan kekeliruan para sahabat tentang sesuatu persoalan yang timbul (Abu Ghuddah 2011). Hasil kajian mendapati bahawa PK 1, PK 2, PK 3, PK 4 dan PK 9 menunjukkan penampilan peribadi kepada masyarakat Orang Asli dengan menjaga percakapan, tidak merokok, menjaga waktu solat dan menepati janji.

Sehubungan itu, PK 2 dan PK 9 berpendapat bahawa pendakwah perlu meneliti secara halus tentang kaedah yang bersesuaian supaya tidak menyakiti dan menyinggung perasaan Orang Asli. Daripada sudut memberi teguran atau nasihat, sekiranya pendakwah tidak menggunakan kata-kata yang lemah lembut berkemungkinan Orang Asli akan mendengarnya tetapi tidak mengikutinya yang dikehendaki oleh pendakwah. Sebagai contoh ketika mahu menerangkan tentang tegahan merokok, ia seharusnya bermula dengan diri pendakwah sendiri, di samping menjelaskan hikmah larangan, keburukan dan akibat perbuatan merokok yang boleh mengundang pelbagai penyakit berbahaya. Pendakwah seharusnya mempunyai kesedaran untuk menghindarkan perbuatan merokok kerana perlakuan seseorang pendakwah seringkali diperhatikan oleh Orang Asli walaupun tanpa disedari oleh pendakwah itu sendiri. Pendekatan seumpama ini bertepatan dengan pandangan Abu Ghuddah (2011) bahawa pimpinan tauladan Rasulullah s.a.w. bermula daripada tindakan Baginda terlebih dahulu sehingga orang lain dapat mengikut perbuatan Baginda. Amalan tersebut menggambarkan bentuk teguran yang bijaksana dan mempamerkan kebenaran bahawa mesej tentang larangan merokok perlu bermula dengan diri pendakwah itu sendiri untuk menjadi contoh kepada *madcū*. Selain itu, ia menunjukkan bahawa agama Islam melarang sesuatu perkara yang boleh mengundang keburukan dan kerosakan kepada kesihatan fizikal dan mental seseorang (al-Qaradāwī 2007).

Sementara itu, PK 5 menjelaskan tentang kelebihan yang terkandung dalam nilai ajaran Islam iaitu sikap tolong menolong walaupun sesuatu perbuatan itu dianggap kecil seperti membantu menyapu sampah. Apabila perbuatan itu dilakukan oleh pendakwah sendiri ia dapat menarik minat Orang Asli untuk melakukan perbuatan tersebut. Aspek ini secara tidak langsung dapat membina rasa kebersamaan antara pendakwah dengan para *madcū* selain meningkatkan kepercayaan mereka terhadap perbuatan pendakwah.

Justeru, pendekatan dakwah *bi al-ḥāl* berbentuk memberi kesedaran dalam menjelaskan sesuatu persoalan atau mesej seharusnya memerlukan kesedaran dan tindakan pendakwah mendahului tindakan para *madcū*. Nasihat dan teguran juga hendaklah secara beradab dan tidak menzahirkan kritikan yang boleh merendahkan air muka penerima dakwah (Abdullah Muhammad Zin 1996). Perkara ini disebabkan pendakwah dianggap sebagai model yang menampilkan imej Islam dan sentiasa menjadi perhatian masyarakat sekeliling.

## **Bimbingan berterusan**

Proses bimbingan merupakan komponen penting dalam gerak kerja dakwah Islamiyyah yang merujuk kepada kesungguhan pendakwah membimbing kumpulan sasaran terutamanya golongan muallaf supaya hak untuk mendapatkan pendidikan agama Islam selepas memeluk Islam tidak

diabaikan. Bagi melaksanakan hasrat ini, pendakwah memerlukan kesabaran dan usaha yang berkesinambungan kerana proses ini menuntut kepada ketekunan dalam membimbing dan membentuk mualaf menjadi Muslim sejati (Mohd Ridhuan & Redwan 2014).

Hasil kajian menunjukkan PK 1, PK 4 dan PK 6 menggunakan pelbagai bentuk bimbingan asas agama Islam sama ada di luar mahu pun di dalam kelas fardhu ain termasuklah dalam program ceramah bulanan. Namun, mereka mengakui bahawa walaupun pelbagai program diadakan, tetapi sambutan masyarakat Orang Asli masih kurang memberangsangkan. Justeru, mereka mengambil keputusan untuk terus melakukan bimbingan kepada masyarakat tersebut. Ini dapat dilakukan dengan mengambil kira kemampuan seseorang pendakwah untuk mempengaruhi Orang Asli Islam terutamanya melalui pengajaran tentang tauhid, *fikah* dan al-Quran (kelas pengajian *iqra'*) yang dijalankan kepada mualaf Orang Asli secara bertahap dan susulan. Walau bagaimanapun, sebagai pembimbing, PK 3 dan PK 7 sentiasa memberi galakan supaya mualaf Orang Asli menghadiri kelas fardhu ain kerana terdapat di antara mereka tidak menghiraukan pembelajaran agama Islam. Kesannya, sebagaimana pandangan Abdul Ghafar et al. (2014) boleh menyumbang kepada kualiti yang rendah daripada sudut kefahaman dan penghayatan agama Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Bagi PK 5 pula, antara faktor yang menyebabkan golongan ini tidak minat mengamalkan apa yang telah diajar oleh pendakwah ialah kerana pengaruh persekitaran yang mendidik mereka untuk mengamalkan ajaran Islam terutama dalam kalangan keluarga mereka seperti suami tidak menunaikan solat dan suka minum arak sehingga mabuk serta pandangan sinis daripada jiran tetangga terhadap perubahan mereka selepas memeluk Islam terutamanya bagi kaum wanita yang mula menutup aurat dengan memakai tudung di kepala. Ini kerana, sebagaimana hasil kajian Fariza Md Sham, Aisyah Jami'an & Siti Rugayah (2014), ahli keluarga atau orang terdekat yang telah memeluk Islam menjadi faktor penting dalam menentukan kualiti hidup Orang Asli dan menjadi pendorong untuk mengamalkan ajaran Islam.

Sementara itu, menurut Ab. Aziz & Ahmad Redzuwan (2006) faktor persekitaran boleh menjadi halangan sehingga menyebabkan terdapat beberapa individu yang hanya mampu membimbing masyarakat ini dalam jangka masa pendek dan tidak menunjukkan tahap kesungguhan. Hal ini menyebabkan kurangnya tenaga pembimbing terutamanya dalam kalangan penggerak masyarakat Orang Asli (PMOA). Oleh itu, pendakwah yang ingin mendekati Orang Asli seharusnya mempunyai matlamat untuk memahami mereka dan tidak mempunyai sangkaan negatif terhadap reaksi mereka sepanjang proses bimbingan dijalankan. Perkara ini perlu kepada persediaan dan perhatian para pendakwah bagi mengelakkan daripada sikap mudah berputus asa dalam membimbing masyarakat ini untuk memahami Islam. Sebaliknya menurut PK 9 bahawa Mohd Ridhuan & Redwan (2014) kesukaran, kepayahan dan keikhlasan pendakwah yang disaksikan oleh *mad<sup>c</sup>ū* dalam usaha dan kerja keras membimbing masyarakat Orang Asli menjadi lebih baik maka akhirnya pendakwah lebih dihargai dan diyakini oleh masyarakat ini.

Sehubungan dengan itu, komunikasi pemujukan melalui bimbingan secara berterusan menekankan nilai kesabaran yang tinggi sebagai pelengkap kepada pendekatan dakwah *bi al-hāl* (al-Kinānī 2011). Tambahan pula, aspek bimbingan merupakan tanda sokongan termudah bagi golongan mualaf yang baru mengenali Islam. Ini memudahkan pendakwah menyampaikan mesej dakwah dan menyempurnakan tanggungjawab untuk memperbaiki kesalahan yang dilakukan (.). Namun, ia perlu kepada proses komunikasi yang berterusan dan bersesuaian mengikut keadaan dan kemampuan *mad<sup>c</sup>ū* untuk memahami dan melakukannya.

## **Bantuan peribadi**

Bantuan peribadi dalam konteks komunikasi dakwah *bi al-hāl* dalam konteks kajian ini merujuk kepada bantuan terhadap masyarakat Orang Asli yang telah dilakukan oleh PK sebagai komunikasi sokongan dan perlindungan secara peribadi daripada pendakwah untuk memenuhi tanggungjawabnya agar masyarakat ini tidak berasa terabai sama ada sebelum atau selepas memeluk Islam. Hasil kajian mendapati bentuk komunikasi pemujukan dalam dakwah *bi al-hāl* melalui aspek bantuan yang telah dilakukan oleh PK ialah bantuan berbentuk peribadi.

Secara umumnya menurut Zulfadhli & Jawiah (2014), kehilangan sumber kewangan merupakan masalah asas yang sering kali dihadapi oleh golongan mualaf yang baru memeluk Islam. Tambahan pula, bagi masyarakat Orang Asli aspek imbuhan berbentuk material menjadi faktor penting khususnya untuk menarik pimpinan kampung seperti Tok Batin mengubah sesuatu perkara dalam sesebuah kampung (Halim & Zulkefli 2014). Kajian Abdul Ghafar Don (2014) juga mendapati perkara ini berlaku disebabkan Orang Asli hidup dalam kemiskinan sehingga mengabaikan amalan-amalan agama seperti ibadah zakat, korban dan akikah.

PK 3 PK 4 dan PK 5 menyatakan bahawa kebiasaannya masalah kewangan yang dihadapi oleh Orang Asli menyebabkan mereka terpaksa meminjam duit daripada pendakwah. Dalam hal ini, PK mengatakan sekiranya Orang Asli meminjam duit daripada pendakwah, pendakwah tidak digalakkan untuk menganggapnya sebagai hutang kerana kebanyakan Orang Asli mengambil tempoh yang lama untuk membayar kembali wang tersebut atau tidak langsung membayarnya semula.

Jika berlaku sesuatu kecemasan, menurut PK 2, PK 4 dan PK 8 bahawa pendakwah yang berkhidmat di dalam kampung Orang Asli perlu bersiap sedia tidak kira masa walaupun bukan pada waktu bekerja untuk berhadapan dengan masalah Orang Asli seperti anak-anak demam, membawa isteri mereka yang hendak bersalin ke hospital atau pengurusan nikah kahwin. Menurut PK 4, bantuan-bantuan yang dihulurkan ini merupakan komunikasi pemujukan secara peribadi dapat merangsang Orang Asli memberi kepercayaan kepada pendakwah sebagai pakar rujuk sekiranya pendakwah dapat membantu mereka secara sukarela.

Sehubungan dengan itu, kesanggupan di pihak pendakwah menyokong dan membantu masyarakat Orang Asli dalam pelbagai situasi mampu menanam kepercayaan mereka terhadap pendakwah. Selain itu, usaha pendakwah yang tidak berkira dalam perkara yang melibatkan waktu dan kewangan, mampu meningkatkan lagi hubungan baik dengan Orang Asli khususnya dalam jangka masa yang panjang di samping bertujuan melindungi serta menguatkan lagi pegangan akidah dan penghayatan agama golongan ini.

## **Pembangunan fizikal**

Aspek pembangunan, pembaharuan dan kemajuan bukanlah menjadi penghalang terhadap perkembangan dan penyebaran agama Islam. Malah, menurut Muhammad Amahzun (2003) bahawa strategi penyebaran dakwah Nabi SAW bermula dengan mengambil berat tentang keperluan masyarakat terutamanya aspek pembangunan ilmu pengetahuan dan kerohanian. Di Selangor, berdasarkan kajian Huzaimah & Che Zarina (2005) mendapati kebanyakan komuniti Orang Asli di Daerah Petaling tidak lagi bergantung kepada hasil pertanian semata-mata bahkan kebanyakan mereka bekerja di firma-firma perusahaan, badan kerajaan, swasta dan sebagainya. Ini menunjukkan perubahan terhadap persepsi negatif untuk menolak pembangunan semakin terhakis dalam pemikiran mereka.



Hasil kajian menunjukkan bahawa komunikasi pemujukan di antara PK 1, PK 4, PK 6, PK 8 dan PK 9 bersama Orang Asli dalam bentuk memenuhi keperluan pembangunan fizikal masyarakat ini dilakukan dengan memfokuskan kepada aspek infrastruktur antaranya ialah membantu mengurus baik pulih surau dan balai raya dalam kampung Orang Asli. Hal ini bertujuan menjadikan surau atau balai raya sebagai tempat berkumpul bersama Orang Asli bermatlamat melaksanakan pelbagai aktiviti dan program termasuk kemudahan untuk mengadakan kelas fardhu ain. Antara usaha pembangunan fizikal yang lain ialah melalui pembinaan sekolah anak-anak Orang Asli bagi memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan agama dan akademik. Namun, usaha ini dilihat mengambil masa yang panjang apabila pendakwah menghadapi kekangan dari sudut peruntukan dan perbelanjaan yang diperlukan menyebabkan perubahan yang berlaku masih pada skala yang kecil. Usaha ini memerlukan pendakwah merancang langkah peribadi melalui permohonan peruntukan, sumbangan dan kerjasama dengan badan-badan NGO dan pihak-pihak berkepentingan lain seperti JAKIM, MAIS, Lembaga Zakat Selangor (LS) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Penjelasan ini bertepatan dengan hasil kajian Muhammad Yusuf et al. (2017) yang mendapati bahawa dalam konteks pentadbiran dan pengurusan surau di kampung Orang Asli Selangor terdapat beberapa cabaran seperti kefahaman Orang Asli tentang ajaran Islam yang tidak memberangsangkan, masalah peruntukan kewangan dan kekangan masa yang diluahkan oleh Orang Asli untuk menghadiri kelas pengajian Islam yang sedia ada.

Sementara itu, menurut PK 6, dengan membantu memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli dapat mengangkat usaha pendakwah untuk menarik minat dan memperkenalkan peranan yang dimainkan oleh pendakwah sebagai pendorong dan pembimbing Orang Asli menghayati agama Islam kepada masyarakat ini. Tambahnya lagi, salah satu usaha untuk mengubah keadaan ekonomi dan sosial keluarga Orang Asli adalah melalui peruntukan pembiayaan pendidikan anak-anak mereka melalui pembinaan sekolah seperti Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) sehingga mampu membina kerjaya pada masa hadapan. Malah terkini, terdapat anak-anak mualaf Orang Asli yang telah berjaya menyertai pertandingan-pertandingan dalam acara *Mahrajan* yang dianjurkan oleh MAIS. Dorongan seperti ini bagi menggalakkan penglibatan anak-anak mualaf Orang Asli yang merupakan generasi masa hadapan supaya mereka tidak berasa dipinggirkan.

Menurut Mohd Rasdi & Aminuddin (2009), matlamat pendidikan Orang Asli bukan sahaja untuk meningkatkan pencapaian mereka bahkan fokus lebih utama ialah bagi membasmi kemiskinan dan pembangunan agar setanding dengan masyarakat lain. Selain itu, sikap ambil berat dan keprihatinan tentang masalah yang dihadapi oleh Orang Asli merupakan antara langkah membina hubungan komunikasi di antara pendakwah dan masyarakat Orang Asli. Melalui penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh Orang Asli sedikit demi sedikit dapat memikat hati dan memperbaiki perkembangan sosial masyarakat ini.

## 2. Komunikasi Interpersonal

Mengukuhkan hubungan interpersonal dengan para *madʿū* merupakan antara matlamat dan tujuan seseorang pendakwah untuk membina ikatan kepercayaan dan hubungan komunikasi yang baik secara berterusan. DeVito (2002) mendefinisikan komunikasi interpersonal sebagai proses berinteraksi di antara individu dengan individu yang lain sama ada berbentuk lisan atau bukan lisan. Dalam konteks dakwah, komunikasi interpersonal disebut sebagai dakwah *fardiyyah* yang bertujuan berkongsi kebaikan dan membina keperibadian seseorang (al-Kinānī 2011). Untuk

mencapai matlamat ini, aspek memahami keperluan psikologi sosial sesebuah masyarakat diberi perhatian serius oleh Nabi Muhammad SAW supaya mesej yang disampaikan dapat mempengaruhi pemikiran, persepsi dan kemampuan seseorang *mad<sup>c</sup>ū* (Amal Ibrahim 2016). Hasil kajian mendapati komunikasi interpersonal di antara pendakwah bersama masyarakat Orang Asli berlaku dalam dua bentuk iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan.

### **Komunikasi lisan**

Hasil kajian mendapati PK 1, PK 2, PK 3, PK 4, Pk 5, dan PK 6 berkomunikasi secara interpersonal bersama Orang Asli menggunakan komunikasi lisan dengan mendahulukan mesej-mesej yang tidak menyentuh isu-isu sensitif terutamanya berkenaan hal-hal agama seperti isu menutup aurat dan pergaulan. Ia merupakan langkah awal untuk menarik perhatian Orang Asli ketika berinteraksi secara bersemuka. Antara mesej yang menjadi perbualan awal pendakwah bersama Orang Asli adalah mencakupi hal ehwal kekeluargaan khususnya tentang kesihatan dan pendidikan anak-anak, pekerjaan seperti mencari hasil hutan dan berkebun, bantuan zakat, pantang larang dan hobi mereka seperti memancing, memburu dan air terjun. Keadaan ini disebabkan komunikasi yang melibatkan isu agama dan kepercayaan masih menjadi hal yang sensitif di pihak sesetengah masyarakat Orang Asli terutamanya yang belum memeluk Islam bahkan boleh menyebabkan Orang Asli tidak tertarik untuk terus bercakap mengenainya. Kaedah ini sepertimana yang dinyatakan oleh Perloff (2003) iaitu pemujukan secara interpersonal bermula dengan topik-topik seperti pekerjaan, anak-anak dan binatang peliharaan yang disertai dengan unsur humor sehingga boleh menyebabkan pendengar gembira dan ketawa.

Menurut PK 4, pendakwah disarankan supaya menentukan matlamat untuk setiap topik perbualan yang dibicarakan sebagai peluang untuk mengaitkannya dengan mesej dakwah di akhir perbualan tersebut. Bagi PK 4, kebisaannya beliau akan menyentuh topik berkaitan hal-hal seperti kepentingan pendidikan dan ekonomi bersama Orang Asli di awal pertemuan dan akhirnya komunikasi tersebut dikaitkan dengan meminta pandangan Orang Asli terhadap agama Islam. Dalam aspek ini, kebijaksanaan dan kreativiti untuk membina idea serta hubungan interaksi yang selesa dan serasi bersama Orang Asli akhirnya mampu untuk mendorong pendakwah berterus terang mengajukan mesej tentang Islam yang ingin disampaikan. Bagi membina hubungan yang selesa dan serasi ini, menurut al-Kinānī (2011) ia dipanggil sebagai proses *ta'āruf* iaitu melalui pertemuan beberapa kali di peringkat awal dan disusuli dengan pertemuan-pertemuan lain untuk memantapkan perkenalan dan mengeratkan lagi perhubungan *silaturrahim*.

Sementara itu PK 2 menekankan aspek percakapan menggunakan bahasa berbentuk halus dan lemah lembut serta memanggil mereka dengan gelaran seperti bagi warga emas “Manok” (lelaki) dan “Inak” (perempuan). Secara tidak langsung, ia mempamerkan akhlak terpuji dan sifat hormat seorang pendakwah. Manakala bagi PK 5, beliau menyatakan bahawa berinteraksi menggunakan kaedah ‘menyembang’ bersama Orang Asli boleh mempengaruhi kefahaman mereka tentang sesuatu mesej yang ingin disampaikan. Komunikasi ‘menyembang’ yang dimaksudkan ialah komunikasi secara santai dan tidak terlalu formal.

Sehubungan dengan itu, komunikasi interpersonal dapat membantu individu untuk memahami persoalan bagaimana dan kenapa setiap individu berkomunikasi dalam bentuk yang berbeza mengikut realiti sesebuah masyarakat (Siti Jameah 2015). Begitu juga dengan pendakwah yang berkomunikasi secara lisan memerlukan mereka berkemahiran menilai aras pemahaman dan keadaan *mad<sup>c</sup>ū* melalui maklumat latar belakang mereka seterusnya disesuaikan

dengan isi kandungan mesej yang ingin disampaikan (Zulkefli & S. Salahudin 2016). Hal ini demikian, mendorong kepada kesefahaman makna di antara pendakwah dan *mad<sup>c</sup>ū* untuk menjadikan komunikasi tersebut lebih berkesan.

### **Komunikasi bukan lisan**

Menurut DeVito (2002), komunikasi bukan lisan merupakan penggunaan bahasa isyarat yang melibatkan pergerakan badan, air muka, pergerakan mata, cara berpakaian, sentuhan, nada suara dan penggunaan ruang dan waktu yang menyumbang keberkesanan yang tinggi berbanding komunikasi lisan. Selain itu penggunaan mempunyai perbezaan tafsiran mengikut budaya bangsa. Oleh itu, pendedahan tentang aspek budaya bangsa masyarakat Orang Asli sebaiknya diteliti dan dipelajari oleh individu yang ingin mendekati masyarakat tersebut kerana menurut Zulkiple Abd Ghani (1997), penyampaian mesej dakwah dalam konteks bukan lisan penting bagi membantu pendakwah mengenalpasti latar belakang *mad<sup>c</sup>ū* melalui ciri-ciri penampilan dan air muka terutamanya pada awal pertemuan.

Hasil kajian mendapati PK 1, PK 2, PK 4, PK 5, PK 6, PK 7 dan PK 9 menggunakan komunikasi bukan lisan ketika melakukan pemujuan dengan memberi perhatian terhadap beberapa elemen seperti isyarat cara berpakaian, pergerakan badan, ruang dan waktu serta intonasi suara ketika berkomunikasi bersama Orang Asli. Menurut PK 1 dan PK 9, konsep “waspada” dalam berpakaian disarankan kepada pendakwah ketika bertemu dengan Orang Asli selagi ia menepati syariat. Pemakaian seperti jubah dan kopiah menyebabkan tanggapan yang disalah erti oleh Orang Asli bahawa pendakwah ingin mengajak mereka memeluk Islam. Walau bagaimana pun, pemakaian tudung bagi wanita tidak menjadi masalah kerana ia telah menjadi kebiasaan Orang Asli melihat wanita Islam bertudung.

Daripada sudut pergerakan badan, PK 1, PK 2, PK 5, PK 6 dan PK 9 mengatakan apabila berkomunikasi bersama Orang Asli, komunikasi pemujuan dilakukan bertujuan menimbulkan rasa kemesraan iaitu dengan bertegur sapa, bersalaman dan mengukir senyuman yang merupakan elemen penting sebagai langkah awal membina hubungan baik di antara pendakwah dengan Orang Asli. Pendakwah boleh mengenal pasti sekiranya pergerakan badan mereka berpaling atau berpusing daripada pendakwah ketika komunikasi berlangsung bermaksud topik komunikasi tersebut perlu diubah atau komunikasi tidak boleh diteruskan. Sebaliknya apabila tiada pergerakan badan yang menggambarkan ketidakselesaian, ia merupakan tindak balas terbaik terhadap pendakwah untuk mengambil peluang dan fokus terhadap topik yang ingin dibicarakan.

Menurut Mohamad Md Yusoff (1985) seseorang tidak menyedari bahawa kira-kira 35% daripada penyampaian dalam sesuatu situasi adalah secara lisan manakala selebihnya melalui komunikasi tanpa lisan. Penjelasan ini menyokong kenyataan PK 9 yang mengatakan bahawa komunikasi berbentuk isyarat sentuhan seperti memeluk Orang Asli ketika awal perjumpaan tidak kira dalam apa pun keadaan mereka seperti belum mandi, gigi masih merah atau membelai anak mereka akhirnya dapat menghakis tanggapan bahawa pendakwah merasa geli atau jijik dengan mereka. Aspek ini secara tidak langsung bagi beliau mampu menyentuh perasaan dalaman dan membina semula hubungan kepercayaan yang utuh bersama mereka.

Berdasarkan penjelasan PK 1, PK 2 dan PK 4, komunikasi pemujuan bukan lisan dari sudut isyarat masa atau waktu untuk berkomunikasi bersama Orang Asli perlu diambil kira oleh pendakwah. Perjumpaan bersama Orang Asli sesuai dilakukan selepas waktu bekerja bermula pukul 6 petang dan ke atas pada hari bekerja. Pendakwah juga boleh mengambil kesempatan masa untuk berjumpa mereka sebelum sesi kelas *fardhu ain* bermula. Walau bagaimanapun, PK

2 dan PK 4 berpandangan perjumpaan atau perbualan dengan masyarakat ini tidak memerlukan masa yang panjang tetapi perlu dilakukan secara kerap dan berterusan. Perkara ini bagi mengelakkan Orang Asli berasa tidak selesa atau terpaksa. Selain itu, sekiranya pendakwah berhasrat untuk menyampaikan sesuatu perkara secara bersemuka mereka boleh membuat rundingan bersama individu tersebut dengan menetapkan berapa lama masa yang akan diambil untuk bercakap.

Sikap masyarakat Orang Asli yang kerap kali disinonimkan sebagai masyarakat yang pemalu dan sensitif terutamanya dengan masyarakat luar menyebabkan nada suara dalam berkomunikasi perlu diambil perhatian. Ini sebagaimana yang dikatakan oleh PK 7 di mana penggunaan suara yang kuat atau 'bekeng' khususnya ketika mengajar di dalam kelas akan menyebabkan mereka mudah tersentuh, merajuk dan menangis. Berdasarkan *Kamus Dewan* (2007) istilah 'bekeng' bererti keras atau marah-marah. Keadaan ini akan mengambil masa yang lama untuk memujuk Orang Asli kembali menghadiri kelas. Penjelasan ini selari dengan pandangan Zulkiple Abdul Ghani (1997) yang menegaskan bahawa isyarat bukan lisan lebih mudah difahami terutamanya ketika berhadapan dengan golongan *mad<sup>c</sup>ū* yang mudah terasa seperti masyarakat Orang Asli.

### **Komunikasi Kelompok**

Komunikasi kelompok dalam konteks pemujukan dakwah melibatkan interaksi sosial mempengaruhi penglibatan dan penyertaan *mad<sup>c</sup>ū* secara berkumpulan, berperanan membentuk kepercayaan dan kesefahaman bersama pendakwah. Norhayati (2013) mengatakan tujuan komunikasi kelompok ialah mencapai suatu matlamat yang telah disepakati dan mencari penyelesaian tentang sesuatu perkara bersama-sama. Dalam konteks dakwah kepada masyarakat Orang Asli, Muhammad Yusuf et al. (2015) membahagikan kepada dua kelompok iaitu memberi kefahaman Islam, mengajar dan mengajak Orang Asli Islam bersama-sama mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Manakala, berdakwah kepada Orang Asli bukan Islam pula mementingkan aspek contoh teladan yang baik dan mengajak mereka memeluk Islam.

Hasil kajian mendapati komunikasi kelompok yang berlangsung di antara pendakwah dengan masyarakat Orang Asli berlaku dalam tiga keadaan iaitu di dalam kelas fardhu ain, ketika berlangsung program-program seperti gotong-royong dan mesyuarat, dan ketika santai di kedai makan. Menurut PK 2, PK 3, PK 4, PK 6, PK 8 dan PK 9 penglibatan pendakwah secara aktif dalam program yang dijalankan secara tidak langsung dapat mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh penduduk Orang Asli secara lebih dekat. Contohnya seperti masalah bekalan air, bantuan kebajikan, pendidikan dan pengurusan bina rumah.

Aspek kebersamaan dalam melakukan pelbagai aktiviti membuka peluang kepada pendakwah untuk berkomunikasi tentang Islam. Menurut PK 9, pendakwah merupakan sebahagian daripada orang yang terlibat dalam proses dakwah. Oleh itu, keterlibatan pendakwah dengan aktiviti kemasyarakatan mewujudkan rasa kebersamaan dalam masyarakat sehingga ketiadaan pendakwah amat dirasakan oleh ahli masyarakat, terutama apabila pendakwah telah berpindah ke tempat lain atau meninggal dunia. Malah, ada ketikanya, apabila pendakwah berjauhan dengan ahli masyarakat seperti menghadiri kursus dalam tempoh yang lama, ahli masyarakat merasakan ada sesuatu urusan yang belum disempurnakan sehinggalah pendakwah berkenaan datang kembali mendampingi dan berinteraksi dengan mereka. Oleh yang demikian, kajian Nor Hayati et al. (2012) menunjukkan antara elemen perundingan dalam suatu komunikasi kelompok memerlukan pendakwah mempunyai kesediaan dan minat terhadap

dakwah, penyediaan alternatif dalam menjawab persoalan tentang Islam, memaksimumkan elemen persamaan, menggunakan pendekatan yang munasabah dan komitmen yang realistik apabila menyelesaikan suatu isu mendorong keberkesanan dalam komunikasi terutamanya ketika menyelesaikan sebarang konflik dengan disemai nilai-nilai *mahmūdah*.

Bagi PK 2 dan PK 3, mereka cenderung menggunakan pendekatan kemasyarakatan dalam skala yang besar dengan mengadakan program bergotong royong. Mereka membeli barang-barang masakan dan memasak bersama Orang Asli sama ada yang telah Islam mahu pun bukan Islam. Ia bertujuan mewujudkan komunikasi secara beramai-ramai berbanding menggunakan khidmat katering yang hanya menggalakan Orang Asli datang ketika program dan apabila selesai program mereka terus pulang ke rumah masing-masing. Kaedah gotong royong seperti ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi matlamat penyampaian dakwah ketika proses gotong royong memasak berlangsung. Melalui penyertaan dan pergaulan pendakwah dalam program-program yang diadakan dapat mengeratkan lagi hubungan bersama masyarakat ini. Namun, aspek akhlak dan keteladanan daripada pendakwah memainkan peranan penting terhadap proses interaksi terutamanya dalam konteks dakwah kepada Orang Asli yang bukan Islam. Berlainan pula dengan pendekatan PK 4 bahawa beliau menggunakan khidmat katering sekiranya program yang dijalankan mendapat tajaan kerana kampung Orang Asli di bawah seliaan beliau tidak mempunyai peralatan masakan yang lengkap untuk menjalankan gotong royong. Dalam hal ini, tumpuan lebih diberikan terhadap isi kandungan program atau tazkirah yang dijalankan.

Oleh itu, penentuan matlamat termasuk dalam ciri-ciri komunikasi kelompok untuk mempengaruhi individu mencapai arah tujuan yang diinginkan (Hashim Fauzy 2001). Ini sebagaimana yang dikatakan oleh Zaydan (1976) bahawa kepakaran memilih *uslub* dakwah yang digunakan oleh pendakwah perlu disesuaikan dengan masalah yang dihadapi oleh golongan sasaran terlebih dahulu. Azlina (2015) mengatakan kriteria penyampai yang melakukan pemujukan perlu diiringi dengan kemahiran berkomunikasi dengan efektif dan kemampuan membina hubungan sosial yang baik serta memahami persamaan dan perbezaan budaya masyarakat.

### **Komunikasi Massa (Penggunaan Alat Komunikasi Media)**

Hasil kajian menunjukkan bahawa PK 1, PK 2, PK 3, PK 4, PK 5, PK 6 dan PK 7 menggunakan aplikasi *WhatsApp* berbentuk *group* yang melibatkan pelajar-pelajar Orang Asli dalam kelas fardhu ain. Kebiasaannya, mesej yang dikongsi berbentuk persoalan-persoalan berkaitan hukum, perkongsian maklumat berbentuk video, kata-kata hikmah dan maklumat-maklumat tentang kelas fardhu ain. Walau bagaimanapun, PK 3, PK 4, PK 7 dan PK 8 mengatakan penglibatan Orang Asli untuk berkomunikasi tentang Islam menggunakan aplikasi ini tidak secara aktif bersama pendakwah terutamanya dalam kalangan Orang Asli dewasa berbanding remaja. Ini kerana, kurangnya pendedahan tentang penggunaan *WhatsApp*, penyampaian yang kurang jelas dan talian internet yang kurang memuaskan. Secara tidak langsung, pengaruh untuk menyampaikan mesej dakwah melalui penggunaan alat komunikasi media dengan masyarakat Orang Asli masih tidak mampu memberi kesan yang mendalam. Kecenderungan untuk berkomunikasi secara bersemuka adalah lebih mudah difahami oleh kebanyakan masyarakat ini.

Menurut PK 4, PK 5 dan PK 8 penggunaan media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook* dan *Wechat* dalam kalangan remaja Orang Asli semakin aktif menyebabkan mereka terdedah dengan budaya sosial yang tidak sihat seperti minum arak dan acara berjoget. Menurut kajian Annie &

Syamimi (2014) penggunaan *WhatsApp* digunakan secara popular untuk tujuan berkongsi mesej berbentuk hiburan, keseronokan dan berjenaka. Namun begitu, bagi PK 8 beliau aktif menggunakan laman sosial seperti *Facebook* untuk berhubung dengan komuniti Orang Asli sama ada yang sudah memeluk atau belum memeluk Islam bagi berkongsi maklumat dan membetulkan salah faham tentang sesuatu isu terutamanya yang melibatkan agama Islam. Penglibatan dalam kumpulan Orang Asli secara maya ini membuka ruang kepada pendakwah mengetahui isu berbangkit dalam kalangan masyarakat Orang Asli seperti kumpulan anti-Islam atau anti-kerajaan dan isu lain berbentuk provokasi di samping berkongsi pelbagai maklumat dan pendapat.

## **KESIMPULAN**

Pendakwah perlu mempunyai kemahiran berdakwah yang berkesan bagi memenangi hati, perasaan dan akal fikiran kumpulan sasaran. Kemahiran berdakwah secara pemujukan adalah salah satu pendekatan yang mempunyai kepentingan dan kekuatan bagi memperkasakan bidang komunikasi dakwah. Pendekatan seumpama ini merupakan sunnah para Rasul ketika mereka berdakwah kepada kaumnya dengan bimbingan wahyu Ilahi.

Kelebihan yang terdapat dalam komunikasi pemujukan ialah ia memanfaatkan ruang dan peluang komunikasi lisan dan bukan lisan mengambil tempat dalam medan dakwah terutama ketika berhadapan dengan kumpulan sasaran yang tidak sama dengan latarbelakang mereka seperti masyarakat Orang Asli. Keadaan ini menuntut kebijaksanaan pendakwah menggunakan sepenuhnya bakat dan kemahiran lisan dan bukan lisan melalui komunikasi pemujukan bagi menerangkan ajaran Islam bagi mereka yang belum beragama Islam dan mengajak mereka yang sudah memeluk agama Islam mengamalkan ajaran Islam secara maksimum. Kaedah pemujukan yang digunakan dengan berkesan akan menatijahkan tahap kefahaman dan pengamalan yang tinggi setelah mereka menerima dan mengamalkannya secara sukarela.

Bentuk komunikasi dakwah yang digabungkan dengan elemen pemujukan seperti dakwah *bi al-hal*, komunikasi interpersonal, komunikasi kelompok dan komunikasi massa menggunakan peralatan komunikasi moden boleh membantu meningkatkan kefahaman dan pengamalan mereka terhadap ajaran Islam. Justeru, pihak-pihak berkepentingan dengan dakwah Orang Asli seharusnya bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk membina model pembangunan komunikasi dakwah masyarakat Orang Asli yang mengambil kira, antaranya ialah, elemen dan bentuk komunikasi pemujukan.

## **PENGHARGAAN**

Penulisan kertas ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2016-051).

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz. Mohd Zin & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2006). Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang: Masalah Pendakwah. *Islamiyyat* 28: 163-183.
- Abdul Ghafar Don. (2014). Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: senario dan realiti kefahaman dan penghayatan Islam. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*. Bandar Baru Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan. (2007). *Teori dan Teknik Moden Mendorong Perubahan Tingkah Laku: Berdakwah Dengan Efektif*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions.
- Abu Ghuddah, Abdul Fattah. (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah SAW*. Terj. Pelima Media. Kuala Lumpur: Pelima Media Sdn. Bhd.
- Achmad Mubarak. 1999. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Penerbit Pustaka Firdaus.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2008). *Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang*. Shah Alam: Penerbit Karisma Publications.
- Ali Yaakub Matondang. (2006). Dakwah Bil Hal: Satu Pendekatan dan Strategi. Dlm. Ali Yaakub Matondang, Yuseri Ahmad & Marina Munira Abdul Mutalib (pnyt.). *Bicara Islam*. Nilai: Penerbit Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia.
- Aisyah Jami'an. (2013). Program Dakwah dan Peningkatan Kualiti Hidup Saudara Baru Orang Asli di Gombak Selangor. Tesis. Dr. Fal. Fakulti Pengajian Islam.
- Annie Dayani Ahad & Syamimi Md Ariff Lim. (2014). Convenience or Nursance: The 'WhatsApp' Dilemma. *Procedia Social and Behavioral Sciences 2014*. hlm. 189-196.
- Arifin, H. M. (1977). *Psikologi Da'wah: Suatu Pengantar Studi*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Aristotal (2014) *Rhetoric*. Roberts, W. R. South Australia: ebooks@Adelaide.
- Azlina Kamaruddin. (2015). *Komunikasi dan Seni Pemujukan*. Sintok: Penerbit UUM Press.
- Bettinghaus, E. Paul. (1980). *Persuasive Communication*. United State: Library of Congress.
- Borg, J. (2010). *Persuasion: The Art of Influencing People*. Britain: Pearson.
- DeVito, J. A. (2002). *The Interpersonal Communication Book*. Ninth edition. New York: Longman.
- Fariza Md Sham, Aisyah Jami'an & Siti Rugayah Tibek. (2014). Peningkatan Kualiti Hidup Mualaf Orang Asli. Dlm. Siti Rugayah Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (pnyt.). *Pembangunan Dakwah Muallaf*, hlm. 143-156. Bangi: Institut Islam Hadhari, UKM.
- Fathollahi, I. & Kamely, I. (2012). Persuasion Process in Quran. *International Reasearch Journal of Applied and Basic Sciences* (3): 2657-2666.
- Gass, R. H. & Seiter, J. S. (2011). *Persuasion, Social Influence and Complaince Gaining*. United States: Pearson Education, Inc.
- Ghazali Darussalam. (1996). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Halim Mokhtar & Zulkefli Aini. (2014). Dakwah Islamiah kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran dan Permasalahan. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014*. Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asl dan Peribumi, UKM. Bangi, 17-19 Mac
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Hovland, C. I., Janis, I. L., & Kelley, H. H. (1953). *Communication and persuasion; psychological studies of opinion change*. New Haven, CT, US: Yale University Press.
- Huzaimah Ismail & Che Zarina Sa'ari. 2005. *Masyarakat Orang Asli dan Pembangunan Insaniah*. *Jurnal Centre of Islamic Teaching Unit (CITU)* 1 (2): 67-82.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Data Pengislaman Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Bahagian Dakwah (Orang Asli), JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2014). *Data Maklumat Asas*. Bahagian Perancangan dan Penyelidik. JAKOA.
- Al-Kinānī, Abd al-Halim. (1998). *al- Da`wah al-Fardīyyah baina al-Nazariyyāh wa al-Taṭbīq*. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafa' li al-Ṭibā<sup>c</sup> wa al-Nasyr wa al-Tawzī<sup>c</sup>.
- Kruger, F. (2016). Attitude change through understanding (cognition) of the influence of the persuasive language of liturgy. *Theological Studies* 72(2):1-11.
- Ma'arif, B. S. 2015. *Psikologi Komunikasi Dakwah: Suatu Pengantar*. Bandung: Penerbit Simbiosis Rekatama Media.
- Mohamad Md. Yusoff. (1985). Komunikasi Bukan Lisan: Satu Tinjauan Ringkas, *Jurnal Komunikasi* 1(8): 64-72.
- Mohd Rosdi Saamah & Aminuddin Mohamed. (2009). Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP): Satu Tinjauan. Kertas Kerja Konvensyen Pedagogi Bahasa Melayu Serantau 1. Anjuran IPGM Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. 3-5 November.
- Mohd. Yusof Hussain (2009), "The Concept and Function of *Da`wah bi al-Hal*", dalam Mohd. Yusof Hussain (ed), *Readings in Islamic Da`wah*. Gombak: IIUM Press.
- Muhammad Amahzun. (2003). *Manhaj al-Nabiyyi fi al-Da`wah min Khilāli al-Sīrah al-Ṣoḥīḥah*. Kaheerah: Dār al-Salām.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Abd Ghafar Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit & Zulkefli Aini. (2015). *Pengurusan Dakwah Orang Asli Negeri Selangor*. Dlm. Zulkefli Abd Hamid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Syarul Azman Shahrudin & Mariam Abd Majid. *Pembangunan Mualaf di Selangor*. Seri Kembangan: Ibooks Centre.
- Perloff, R. M. (2003). *The Dynamics of Persuasion: communication and Attitudes in the 21<sup>st</sup> century*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Petty, R. E. & Brinol, P. (2008). Psychological Processes Underlying Persuasion A Social Psychological Approach. *SAGE Journals* 55(1): 52-67.
- Al-Qaraḍāwī, Yusuf. 2007. *Halal dan Haram Menurut Persepektif Islam*. Terj. Abu Jabir Muhammad. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ramle Abdullah. (2015). Cabaran Orang Asli. Kertas Kerja Persidangan Pembangunan Insan Pemimpin Masyarakat Orang Asli, Anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Negeri Sembilan, 7-9 November.
- Samsuddin A. Rahim. (1993). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siff, J. B., & Mongeau, P. A. (2016). *Persuaive communication* (3rd ed). New York: Guilford Press
- Smith, M. J. 1982. *Persuasion and Human Action*. Belmont: Wadsworth.
- Sopyan, Y. 2010. *Tarikh Tasyri': Sejarah Pembentukan Hukum Islam*. Indonesia: Gramata Publishing.
- Trenholm, Sarah (1989) *Persuasion and social influence*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.
- Zaydan, 'Abdul Karīm. (1976). *Uṣūl al-Da`wah*. Baghdad: Dār al-Bayan.



- Zulkefli & S.Salahuddin. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulfadhli Zafik & Jawiah Dakir. 2014. Bimbingan dan Kaunseling Islam Terhadap Muallaf. Dlm. Siti Rugayah Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (pnyt.). *Pembangunan Dakwah Muallaf*, hlm. 37-42. Bangi: Institut Islam Hadhari, UKM.
- Zulkefli Aini, Faiz Abdul Rahim & Nur Damia Husna Nor Sad. (2018). Aplikasi Kemahiran Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli. dalam Abdul Ghafar Don, Aniza Ismail & Zulkefli Aini, *Pemeriksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli Di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkiple Abd Ghani. 1997. Implementasi Komunikasi Tanpa Lisan (Nonverbal) dalam Dakwah. Dlm. Che Yusoff Che Mamat & Syamsul Bahri Andi Galigo (pnyt.). *Dinamika Dakwah Dalam Masyarakat*, hlm. 104-112. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan UKM.